



**TATACARA PENGURUSAN JENAZAH DAN MAJLIS BERKAITAN
BAGI KEMATIAN BUKAN DISEBABKAN COVID-19 SEPANJANG TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)
BERMULA 10 JUN 2020 – 31 OGOS 2020 ATAU SATU TARIKH YANG DITENTUKAN
OLEH PIHAK PEMERINTAH.**

1. Adalah dimaklumkan wabak Covid-19 telah merebak ke lebih 200 buah negara pada masa kini termasuk di Malaysia. Pentadbiran ini memandang serius ancaman virus berbahaya Covid-19 dan dalam usaha mencegah penularan virus ini yang dikhuatiri akan menyebabkan berlakunya jangkitan dalam skala yang lebih besar.
2. Hendaklah memastikan punca kematian jenazah terlebih dahulu sebelum melaksanakan proses pengurusan jenazah. Punca kematian seperti:
 - i. Kematian biasa (bukan disebabkan Covid-19) dan **bukan** Person Under Investigation.
 - ii. Kematian disebabkan oleh Covid-19 – **diuruskan oleh KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA.**
 - iii. Kematian pesakit dalam tempoh kuarantin (Person Under Investigation-PUI) - **diuruskan oleh KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA.**
3. Sehubungan itu, **Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPk)** mengarahkan pelaksanaan **Tatacara Pengurusan Jenazah dan Majlis Berkaitan Bagi Kematian Bukan Disebabkan Covid-19** dalam 2(i), seperti ketetapan berikut:
 - a. Apabila berlaku kematian di hospital, jenazah hendaklah diuruskan (mandi dan kafan) di hospital.
 - b. Kematian yang berlaku di rumah, hendaklah mendapatkan khidmat nasihat daripada pegawai kesihatan sama ada perlu diuruskan (mandi dan kafan) di hospital atau rumah.
 - c. Solat jenazah boleh dilaksanakan di masjid, surau atau rumah sahaja.
 - d. Urusan pengebumian hendaklah diuruskan dengan bilangan anggota yang seminimum mungkin beserta ahli keluarga terdekat.
 - e. Tiada majlis tahlil dan kenduri arwah dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini.

4. Cara mengendalikan jenazah bagi kematian bukan disebabkan Covid-19.
 - i. Petugas dan semua ahli keluarga hendaklah menggunakan *mask* (pelitup muka), apron dan sarung tangan plastik sebelum mengendalikan jenazah.
 - ii. Elakkan menyentuh jenazah TANPA menggunakan lapik atau sarung tangan.
 - iii. Meminimumkan atau mengelakkan air mandian jenazah terpercik atau terkena pengendali jenazah.
 - iv. Meminimumkan jumlah pengendali jenazah dalam satu masa.
 - v. Tidak membenarkan mereka yang tidak berkenaan masuk ke tempat pengendalian jenazah.
 - vi. Menyahkumkan alatan atau melupuskan atau membersihkan alatan yang digunakan semasa mengendalikan jenazah dengan mengikut prosedur yang betul.
 - vii. Selesai urusan pengendalian jenazah (mandi dan kapan jenazah), pengendali perlulah mensucikan diri dengan mandi dan menukar pakaian yang digunakan sebelum bertemu ahli keluarga atau orang lain.
5. Tanggungjawab yang boleh diambil oleh pihak keluarga:
 - a. Bila berlaku kematian, kaum keluarga perlu mengelak daripada menyentuh jenazah sama ada memeluk, mencium dan sebagainya.
 - b. Semasa menunaikan solat jenazah, sila pastikan Jemaah tidak terlalu ramai dan mengambil kira jarak sosial (tidak terlalu rapat), bagi mengelak sebarang risiko jangkitan.
 - c. Adalah dibenarkan supaya ahli keluarga, saudara-mara dan sahabat-handai hadir ke majlis pengebumian dengan mengikut penjarakan sosial yang telah ditetapkan.
 - d. Mereka yang hadir dikehendaki mengambil langkah-langkah keselamatan yang perlu seperti menggunakan *mask* (pelitup muka) untuk mengelak sebarang risiko jangkitan.
 - e. Jenazah hendaklah diurus sesegera mungkin tanpa ditangguh seperti menunggu kepulangan saudara mara yang jauh.
6. Tatacara ini adalah berkuatkuasa **mulai 10 Jun 2020 sehingga 31 Ogos 2020** atau satu tarikh yang ditentukan oleh pihak pemerintah.
7. Semua Pegawai Masjid dan ahli kariah dalam Negeri Perak Darul Ridzuan diarahkan mematuhi arahan ini sehingga arahan rasmi terkini dari semasa ke semasa.

8. Mengikut Peraturan-Peraturan Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah di dalam kawasan tempatan jangkitan)2020, Bab 7(1), mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Pengarah,

Jabatan Agama Islam Perak